

JAWAPAN

PELAJARAN
16

Pengurusan Jenazah

1. Maksud: Menguruskan jenazah dengan cara tertentu mengikut ketetapan syarak.
Hukum: Hukum menguruskan jenazah ialah fardu kifayah dan wajib atas orang Islam yang hidup menguruskannya. Jika tidak, seluruh masyarakat setempat akan berdosa. Terjemahan dalil: "Segerakanlah pengurusan jenazah". (Muttafaq alaih)
2. (a) Mengajar kalimah la ilaha illallah
(b) Membaca surah Yaasin di sisinya
(c) Mengingatkan pesakit agar bersangka baik terhadap Allah SWT
3. (a) Ikat mulutnya dari bawah dagu hingga atas kepala dengan kain bersih supaya tidak terbuka
(b) Melembutkan sendi-sendi anggota mayat supaya mudah dimandi dan dikafankan
4. (a) Perbuatan meratakan air ke seluruh anggota tubuh jenazah supaya jenazah bersih dan mulia
(b) Menutup seluruh tubuh badan jenazah dengan sekurang-kurangnya sehelai kain
(c) Solat yang dilakukan oleh orang yang hidup kepada jenazah dengan kaifiyat tertentu
(d) Mengembumikan jenazah di dalam tanah mengikut kaifiyat tertentu
5. (a) Mendoakan keampunan dan rahmat Allah untuk jenazah
(b) Mengucapkan takziah kepada keluarga si mati dalam tempoh tiga hari daripada tarikh kematian
(c) Memberi pertolongan kepada keluarga jenazah seperti menyediakan makanan untuk mereka
6. Aktiviti murid

POWER PT3

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1. C | 2. C | 3. A | 4. C | 5. C |
| 6. A | 7. A | 8. C | | |

Bahagian D

1. (a) (i) 1. Memandikan jenazah
2. Mengapangkan jenazah
(ii) Ilmu pengurusan jenazah sering kali tidak diambil peduli oleh sebahagian masyarakat hingga apabila berlaku kematian dalam kalangan ahli keluarga, terutama kematian ibu bapa menyebabkan mereka tidak tahu untuk menguruskan jenazah terbabit.

Tanpa pengetahuan mengenai pengurusan jenazah itu menyebabkan kini ramai anak-anak terpaksa menyerahkan tanggungjawab pengurusan tersebut kepada orang lain. Oleh itu, kita hendaklah berusaha mempelajari ilmu menguruskan jenazah melalui pelbagai medan seperti kursus pengurusan jenazah yang dianjurkan oleh mana-mana pihak misalnya dapat memudahkan kita untuk menguruskan jenazah ahli keluarga kita kelak.

- (b) (i) Makruh
(ii) Wajib
(iii) Wajib
(iv) Wajib
- (c) (i) ✓
(ii) ✓
(iii) X
- (d) (i) Mendoakan keampunan dan rahmat Allah SWT untuk jenazah.
(ii) Membantu keluarga si mati seperti menyediakan makanan untuk mereka.
- (e) (i) lelaki
(ii) kepala
(iii) kepala

POWER KBAT

1. Hal ini kerana masyarakat menganggap bahawa mereka terlepas daripada tuntutan fardu kifayah setelah orang lain melakukannya. Kesannya, mereka tidak mengambil berat akan hal ini dan sering mengharapkan agar orang lain melaksanakannya bagi pihak mereka. Kesimpulannya, kesedaran kepentingan solat jenazah perlu diterapkan dalam setiap anggota masyarakat.
2. Kewajipan terhadap jenazah seperti memandikan, mengapangkan, menyembahyangkan dan mengebumikan jenazah dapat memastikan jenazah dalam keadaan yang bersih dan suci untuk menghadap Allah SWT. Hal ini dapat menjaga maruah dan kehormatan jenazah. Oleh itu, kita hendaklah melibatkan diri dalam pengurusan jenazah supaya timbul keinsafan untuk berterusan melakukan kebaikan. Mengendalikan mayat yang kaku dan sejuk itu satu peringatan yang paling memberi kesan.
3. Terlalu banyak keinsafan akan lahir daripada peristiwa kematian. Jasad yang terkubur kaku, keras dan sejuk membuktikan bahawa kematian itu sebenarnya sesuatu yang hakiki, yang sedang berada di hadapan mata. Oleh itu, kita hendaklah menyedari dan menginsafi bahawa setiap orang akan menemui mati pada suatu ketika kelak, sama ada kematian